



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELAKSANAAN ASEAN FRAMEWORK AGREEMENT ON THE FACILITATION OF INTER-STATE TRANSPORT (AFAFIST)

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan membuka permohonan Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN bagi pengoperasian di bawah Perjanjian ASEAN *Framework Agreement on the Facilitation of Inter-State Transport* (AFAFIST) bermula **3 Mac 2025**. Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) di pautan <https://portal.ispkp.gov.my/>
2. Melalui perjanjian AFAFIST ini, pengendali berlesen yang berkecukupan berpeluang untuk menjalankan operasi rentas sempadan melibatkan pergerakan kenderaan barangan merentasi sempadan antara dua negara anggota ASEAN yang bersebelahan.
3. Operasi di bawah perjanjian AFAFIST ini merupakan langkah strategik untuk mengukuhkan integrasi ekonomi di rantau ASEAN. Dengan memudahkan pergerakan kenderaan barangan, perjanjian ini membantu mengurangkan halangan perdagangan, meningkatkan kecekapan logistik dan perdagangan antara negara ASEAN, seterusnya menjadikan rantau ASEAN lebih kompetitif di peringkat global. Perjanjian ini mencerminkan komitmen negara ASEAN untuk mengukuhkan integrasi ekonomi serantau.
4. Maklumat lanjut dan salinan **Keperluan Tahap Perkhidmatan Kenderaan Barangan (Peredaran Antarabangsa) (Rentas Sempadan ASEAN)** boleh dimuat turun menerusi pautan:
 - i. <https://www.apad.gov.my/sumber-maklumat1/garis-panduan/keperluan-tahap-perkhidmatan/499-keperluan-tahap-perkhidmatan-kenderaan-barangan-peredaran-antarabangsa-rentas-sempadan-asean/file>; dan



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGANSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

1/2

Garis Panduan Pelesenan (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) dimuat turun menerusi pautan:

- ii. <https://www.apad.gov.my/sumber-maklumat1/garis-panduan/garis-panduan-kenderaan-barangan/497-garis-panduan-pelesenan-peredaran-antarabangsa-kenderaan-barangan-rentas-sempadan-asean/file>
5. Sehubungan itu, APAD ingin menggalakkan pengendali kenderaan barangan yang berkecayaan untuk mengemukakan permohonan rentas sempadan bagi kenderaan barangan agar dapat memperkukuh kelancaran perdagangan dan logistik di antara negara ASEAN.

AGANSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
3 MAC 2025

2/2